



**TEXT UCAPAN  
YBRS. TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI S.I.S  
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2022  
DAN  
PELANCARAN LOGO SAMBUTAN 25 TAHUN MPS**

**10 JANUARI 2022 | DEWAN KERAJIAN, TINGKAT 8 MPS**

Bismillahirrahmanirrahim.....

Assalamualaikum wbkt dan selamat pagi,

**Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman**  
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Wan Mahmud bin Pa Wan Teh**  
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Ketua-ketua Whip Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Selayang

Ahli-ahli Majlis, Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,

Pegawai-pegawai, tuan-tuan, puan-puan warga MPS sekalian.

1. Pertamanya, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas limpah dan inayahNya kerana kita diberikan kesempatan melangkah ke Tahun Baharu 2022 dan bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini untuk Majlis Perhimpunan Dan Pelancaran Logo Sambutan 25 Tahun MPS.

**YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

**25 TAHUN MPS PENUH KEMAKMURAN**

1. Alhamdulillah pada 1 Januari 2022 Majlis perbandaran Selayang telah menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-25. Banyak transformasi, cabaran suka dan duka berjaya diharungi oleh MPS yang menjadikan kita sebuah perbandaran yang matang dan makmur seperti hari ini. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua warga kerja MPS yang telah menyumbang bakti dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat di bawah perbandaran Selayang.

2. Sepanjang 25 tahun di bawah MPS, perbandaran Selayang telah menyaksikan pertumbuhan pembangunan fizikal yang amat pesat. Lokasi perbandaran Selayang yang merupakan di pinggir bandar Kuala Lumpur turut menjadikan kita antara kawasan pilihan utama untuk masyarakat tinggal disini.
  
3. Tetapi selepas 25 tahun saya percaya telah tiba masanya untuk kita bergerak ke satu tahap yang lebih tinggi. Satu cita-cita yang saya kira merupakan (dengan izin) "*The Ultimate Achievement*" untuk kita semua adalah untuk MPS mencapai status sebagai sebuah bandaraya. Aspirasi untuk kita mencapai status ini sekurang kurangnya pada tahun 2030 atau lebih awal lagi bukanlah satu sasaran yang mustahil pada pendapat saya.
  
4. Namun begitu, ianya perlu dirancang dengan strategi mantap, kreatif dan inovatif. Ini sangat penting agar segala tindakan yang dilakukan akan lebih sistematik, teratur dan membentuk hala tuju yang jelas dan seterusnya membawa kepada kejayaan aspirasi tersebut. Kita harus pastikan segala strategi dan pelaksanaan yang membuahkan hasil sebelum ini diteruskan serta ditambah baik manakala kelemahan yang dikenalpasti perlu diperbaiki dan kegagalan dijadikan teladan.

5. Dalam kita mengejar cita-cita ini, perlu dipastikan kita semua bersedia untuk dari sekarang melakukan transformasi dengan memberikan satu perkhidmatan yang berprestasi yang tinggi kepada masyarakat. *Swift Action-High Quality Result* itu yang masyarakat mahukan dari kita.
  
6. Jadi pada usia MPS 25 tahun ini, saya menyeru untuk kita sentiasa terbuka dengan idea-idea baru yang bernas, memberikan perkhidmatan terbaik untuk pelanggan (*Customer Centric*), sentiasa memastikan proses kerja dipermudah bersandarkan teknologi IT terkini (*Technology Driven*) dan yang paling penting berfikiran positif, - agar kita sama-sama dapat mentransformasi MPS supaya ianya di landasan yang betul ke arah status sebuah bandaraya. InsyaAllah.

**YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

**SOROTAN SEPANJANG TAHUN 2021**

7. Menyentuh mengenai pencapaian-pencapaian MPS sepanjang tahun 2021, bagi saya MPS telah mencapai prestasi yang membanggakan. Pertamanya, bagi kutipan

tunggakan cukai taksiran, MPS telah mencapai 79.98% iaitu sebanyak RM 6.52 juta bagi tempoh sehingga Disember 2021. Untuk makluman, kutipan cukai taksiran semasa penggal pertama 2021 adalah 95.81% iaitu sebanyak 51.74 juta dan penggal kedua sehingga Disember 2021 adalah sebanyak 95.07% bersamaan RM52.29 juta. Prestasi cukai pada tahun 2021 menunjukkan hasil yang lebih baik daripada tahun 2020.

8. Bagi tahun 2021, MPS telah membuat anggaran hasil sebanyak RM189.27 Juta dimana RM135.85 juta adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM53.42 juta adalah untuk perbelanjaan pembangunan. Saya berharap sasaran kutipan hasil pada tahun ini dapat kita capai, sekaligus dapat dipulangkan semula kepada pembayar cukai melalui perkhidmatan perbandaran yang cemerlang. Saya percaya semua pengarah jabatan berupaya untuk melaksanakan pengurusan kewangan di jabatan masing-masing secara berhemah, berintegriti dan berakuntabiliti, di samping sentiasa kreatif untuk menjana pendapatan baharu.

9. MPS juga tidak ketinggalan seiring dengan aspirasi kerajaan negeri untuk menjadikan negeri Selangor sebuah *Smart State* menjelang tahun 2025. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, MPS telah memperkenalkan banyak perkhidmatan atas talian dan alhamdulillah perkhidmatan ini banyak membantu terutama memberi kemudahan kepada pelanggan untuk berurusan dengan MPS.
  
10. Apabila kita sentiasa mengikut arus semasa dan *Technology Driven*, ianya pasti memberikan impak positif. Sebagai contoh Aplikasi MyMPS dan juga pengenalan Bil Digital ke pembayar cukai telah menjadi pilihan utama pelanggan untuk membuat bayaran cukai hasil. Untuk tahun 2021, 80% pelanggan membuat bayaran melalui aplikasi ini dan hanya 20% yang hadir membuat bayaran di kaunter. Dan terbaru kini pelanggan MPS boleh membuat permohonan dan memperbaharui lesen perniagaan secara dalam talian melalui aplikasi MyMPS.
  
11. Berdasarkan *positive result* ini, MPS akan memperluaskan sistem digital yang ditawarkan merangkumi sewaan, permit perancang, permit bangunan dan sebagainya. Dengan kecekapan pengurusan atas talian ini, saya berharap ianya dapat memberi kemudahan

kepada masyarakat untuk berurusan terutama dalam keadaan negara menghadapi endemik Covid 19.

## **YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

12. Pada tahun 2021, saya juga amat berbangga apabila MPS telah menerima beberapa anugerah dalam pengurusan mahupun Inovasi antaranya:

- a. Kejayaan pasukan SMART SCAPE daripada Jabatan Landskap yang telah berjaya merangkul tempat kedua dalam pertandingan Anugerah Inovasi Negeri Selangor melalui ciptaan *My Auger All In One*;
- b. Anugerah Bandar Mampan Tahun 2021 kategori perbandaran ditempat ketiga dalam pertandingan yang melibatkan seluruh 149 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam negara;
- c. Anugerah *Gold Award* dalam audit oleh *Malaysian Society of Occupational Safety and Health Award 2021*;
- d. Memenangi kategori *Diamond Award* untuk inisiatif di bawah Kementerian Air dan Sumber Asli bagi *Low Carbon City inisiatif*.



- e. Dan terbaru MPS turut memenangi Pertandingan Piala Inovasi MALA 2020 (Piala Yang Berhormat Menteri KPKT) anjuran Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) dengan menerima Geran KPKT RM25,000.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada seluruh warga MPS.

**YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

### **BENCANA BANJIR**

13. Baru baru ini negara telah dilanda dengan bencana banjir besar ke atas beberapa negeri termasuk Negeri Selangor yang telah mengakibatkan kerosakan ke atas harta benda yang teruk bahkan kehilangan nyawa.
14. Kawasan perbandaran Selayang tidak terkecuali apabila kita turut menerima impak akibat keadaan cuaca buruk dan hujan lebat yang melanda. Hampir 97 kawasan di seluruh perbandaran Selayang telah berlaku kejadian tanah runtuh, banjir kilat, dan juga pokok tumbang di beberapa kawasan.

15. Tindakan responsif MPS dengan membuka bilik Gerakan Bencana yang beroperasi 24 jam telah memudahkan koordinasi ke atas semua bencana yang dilaporkan. Tindakan pencegahan awal untuk kejadian tanah runtuh, kerja-kerja pembersihan serta merta untuk kejadian banjir dan pokok tumbang serta pembukaan dewan-dewan MPS yang dijadikan Pusat Pemindahan Sementara mangsa banjir telah dilaksanakan.
16. Saya amat berbangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh anda semua yang bertungkus lumus siang dan malam menjalankan tanggungjawab untuk memastikan tindakan segera ke atas bencana yang berlaku di semua kawasan di perbandaran Selayang diselesaikan.
17. Namun begitu, bencana yang berlaku ini haruslah menjadi satu *“wake up call”* untuk kita semua. Musim tengkujuh yang berlaku saban tahun tidak lagi boleh dipandang remeh, MPS sebagai pihak yang bertanggungjawab ke atas Perbandaran Selayang adalah salah satu *“First Responder”* apabila kejadian seperti ini berlaku dan kita perlulah mempunyai satu plan kesiap siagaan yang mantap untuk menghadapi bencana seperti ini.

**YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

**"BERAT SAMA DIPIKUL, RINGAN SAMA DIJINJING" -**

**#SELANGOR BANGKIT**

18. Menyahut slogan #selangorbangkit oleh YB Dato Menteri Besar Selangor, MPS telah menghantar bantuan logistik dan sukarelawan di bawah Misi Bantuan Pasca Banjir MPS di beberapa kawasan yang terjejas antaranya di Kuang, Seksyen 19 Shah Alam, Kampung Bukit Lanchong Subang Jaya, dan Kampung Bukit Changgang Banting. Hampir 200 kakitangan dengan lebih 30 jentera pelbagai jenis telah digerakkan untuk misi ini.
19. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada semua kakitangan MPS telah bersama-sama menghulurkan tenaga dan masa menyertai misi ini.
20. Tahniah dan terima kasih juga saya ucapkan kepada ahli-ahli majlis MPS terutama di kawasan yang turut ditimpa bencana yang telah mengembleng tenaga JKP Zon masing-masing memainkan peranan membantu penduduk setempat yang terjejas.

## **PENUTUP**

21. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya ingin merakam ucapan takziah kepada keluarga Puan Nurulakiah binti Nordin, Pembantu Tadbir N19 dari Jabatan Bangunan MPS telah kembali ke rahmatullah pada 6 Januari 2022 lalu. Saya juga ingin mengajak tuan puan semua untuk mendoakan rakan-rakan sekerja kita yang telah terlebih dahulu meninggalkan kita semua. Semoga roh mereka ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman. Bagi yang Islam marilah kita sama-sama menyedekahkan Al-Fatihah dan bukan Islam kita bertafakur sebentar. Al-Fatihah.
22. Akhir kata dengan semangat tahun baru saya menyeru seluruh warga MPS untuk mempertingkatkan iltizam membawa MPS ke mercu kejayaan yang lebih tinggi. Dengan usaha yang lebih gigih dan disiplin yang tinggi serta berpegang kepada nilai-nilai murni, kita pasti akan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun 2022.

**Selamat Menyambut Ulang Tahun ke-25  
“25 Tahun MPS Penuh Kemakmuran”**

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi warabarakatuh dan  
selamat sejahtera